

Perginya seorang pendidik berdedikasi...

Kota Kinabalu: Tragedi pesawat MH17 milik Penerbangan Malaysia (MAS) terhempas dipercayai selepas ditembak jatuh di timur Ukraine pada 17 Julai lalu, turut meninggalkan kesan mendalam terhadap warga Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Ini berikutan seorang daripada mangsa nahas itu ialah pensyarah Fakulti Psikologi dan Pendidikan UMS bagi program Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (TESL), Ng Shi Ing, 33, yang dalam perjalanan pulang setelah membentangkan kertas kerja di Universiti Antwerp, Belgium.

Pensyarah berasal dari Muar, Johor, itu terkorban bersama-sama anak lelakinya, Benjamin Jian Han Lee, setahun, dan adik perempuan, Ng Qing Zheng, yang menemani Shi Ing ke Persidangan Antwerp CALL 2014 di universiti berkenaan.

Ikuti perkongsian memori rakan sekerja dan pelajar di UMS mengenai mendiang yang disifatkan sebagai seorang pendidik berdedikasi serta berpotensi besar di muka V2.



Antara gambar kenangan Shi Ing (berdiri, tiga dari kiri) **bersama-sama warga UMS.**



Shi Ing (kiri) **dengan rakan sekerja.**